

7.7.2022

Kenyataan Media

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA

CEO, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## **LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA (WTP) PULIH 61% SEHINGGA JAM 10.00 PAGI**

- **Bekalan air untuk kira-kira 48% pengguna air berdaftar Pulau Pinang terjejas akibat henti tugas LRA Sungai Dua.**
- **Kapasiti pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua telah mencapai 61%.**

PULAU PINANG, Khamis, 7.7.2022: Perkhidmatan bekalan air untuk kira-kira 48% pengguna air berdaftar Pulau Pinang terjejas akibat henti tugas LRA Sungai Dua telah dipulihkan sehingga jam 10.00 pagi hari ini.

Bekalan air kepada pengguna di kawasan utama berikut telah dipulihkan:

### **Bahagian pulau**

- **Daerah Timur Laut sehingga ke Bukit Dumbar**
- **Sungai Pinang sehingga ke pekan Balik Pulau**

### **Seberang Perai**

- **Seberang Perai Utara sehingga ke Bukit Minyak**

Sementara itu, kapasiti pengeluaran air Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang telah mencapai 61%.

Pada jam 8.00 pagi semalam (6.7.2022), LRA Sungai Dua terpaksa ditutup buat sementara waktu berikutan kekeruhan air mentah yang masuk dari Sungai Muda yang luar biasa tinggi. Langkah kecemasan ini adalah perlu untuk mengelakkan pengeluaran air terawat yang tidak selamat yang tidak mematuhi parameter Kawalan Kualiti Air Minuman yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebagai langkah pemulihan, PBAPP segera mengurangkan pengabstrakan

air mentah dari Sungai Muda dan melepaskan air mentah yang disimpan di Empangan Mengkuang untuk mengurangkan kekeruhan air mentah di Terusan Sungai Dua yang menyalurkan air mentah ke LRA Sungai Dua.

Pada jam 12.00 tengah hari 6.7.2022, apabila kekeruhan air mentah yang memasuki loji mencapai tahap yang boleh diterima, PBAPP memulakan semula pengeluaran air di LRA Sungai Dua secara berperingkat.

Hari ini, PBAPP akan terus meningkatkan pengeluaran di LRA Sungai Dua untuk mencapai tahap optimum 100% (atau purata 988 MLD - juta liter sehari) secepat mungkin.

PBAPP menyasarkan untuk mencapai objektif ini pada jam 10.00 malam pada 7.7.2022. Kelewatan sedikit dalam memulihkan bekalan di LRA Sungai Dua adalah kerana isu kekeruhan air mentah di muka sauk air mentah LRA.

Bagaimanapun, pengguna di hujung paip agihan (HPA) dan kawasan tinggi di seluruh Pulau Pinang mungkin perlu menunggu beberapa jam tambahan untuk bekalan air sampai ke premis mereka pada tekanan biasa.

Sementara itu, PBAPP akan terus memantau kekeruhan air yang diabstrak dari Sungai Muda secara 24/7. Kami akan terus melepaskan air dari Empangan Mengkuang untuk memastikan tahap kekeruhan air mentah yang selamat untuk LRA Sungai Dua.

Tempoh gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan-kawasan yang terjejas berbeza dan bergantung kepada lokasi serta tekanan air di dalam sistem agihan bekalan air.

Bekalan air kepada pengguna-pengguna yang terjejas akan disalurkan secara berperingkat.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)